



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

*Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk anda kongsi pendapat dengan kami dari semasa ke semasa.*

**27.01.2023**

### ❖ Tanggungjawab penzahiran yang berterusan

Penzahiran maklumat sensitif harga secara berterusan adalah tunggak kepada pasaran saham yang adil, teratur dan telus. Ia menjadi asas untuk membuat keputusan pelaburan termaklum selain mewujudkan medan permainan yang sama rata supaya khalayak menerima maklumat yang serupa. Ini bermakna, tiada siapa diberikan keutamaan untuk mendapatkan maklumat tertentu kerana ini boleh mewujudkan kelebihan yang tidak wajar kepada sesiapa yang memiliki maklumat tersebut.

Kelewatan dalam penzahiran maklumat sensitif harga akan mewujudkan vakum. Kelompongan maklumat ini cenderung menyebabkan penyebaran khabar angin. Apabila khabar angin bertiup kencang, terutamanya dalam media, bursa saham akan menuntut PLC supaya mengesahkan, menjelaskan atau menafikan khabar angin tersebut. Menurut syarat-syarat penyelarai, PLC hendaklah mengambil langkah pertama untuk mengesahkan, menjelaskan atau menafikan spekulasi atau khabar angin yang sensitif harga tanpa menunggu arahan daripada bursa saham yang mempersoalkan khabar angin atau spekulasi berkenaan. Ringkasnya, penzahiran maklumat yang tepat pada masanya akan mewujudkan gelanggang permainan yang sama rata yang dapat mengelakkan spekulasi dan khabar angin.

Pengumuman awam yang tepat pada masanya juga dapat mengelakkan atau lebih tepat lagi mengurangkan risiko perdagangan orang dalam kerana saluran untuk mendapatkan maklumat sensitif harga kini lebih sempit. Lebih banyak saluran yang tersedia menambahkan lagi kelewatan, justeru lebih besar peluang untuk berlaku perdagangan orang dalam.

Perdagangan orang dalam adalah kesalahan serius di bawah undang-undang pasaran modal iaitu Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Suruhanjaya Sekuriti amat berwaspada terhadap aktiviti ini. Perdagangan orang dalam yang berleluasa akan mewujudkan gelanggang permainan yang tidak adil yang mana akan menjauhkan pelabur tempatan dan asing. Itulah sebabnya mana-mana negara yang mahukan penyertaan yang lebih besar dalam pasaran sahamnya akan mencuba dan memastikan perdagangan orang dalam tidak berleluasa dengan mengenakan sekatan yang sewajarnya. Perdagangan orang dalam yang tidak dikenakan tindakan ibarat titik hitam dalam pasaran saham.

Pengawal selia perlu memantau dengan rapi tanggungjawab berterusan PLC untuk menzahirkan maklumat sensitif harga tepat pada masanya.

Kadangkala, kami menjumpai kes yang mana maklumat disiarkan terlalu lewat dan penzahiran hanya dibuat beberapa hari kemudian walaupun nampaknya tiada alasan wajar yang menyebabkan kelewatan itu. Pemegang saham minoriti perlu mengambil perhatian terhadap PLC yang mempunyai tabiat lewat-lewatkan penzahiran maklumat kerana ia tidak mencerminkan tatalaku warga korporat yang baik. Pemegang saham minoriti dinasihatkan supaya menjauhi PLC degil yang melakukan kesalahan ini berulang kali. Namun, hanya segelintir PLC yang mempunyai masalah ini.

Penerbit tersenarai dan pengarah mereka diharapkan supaya mematuhi prinsip penzahiran penuh dan saksama yang berkaitan dengan maklumat penting. Bab 9 daripada Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia membentangkan keperluan pendedahan berterusan yang perlu dipatuhi oleh PLC.

Sesebuah PLC perlu bertindak segera dan menzahirkan apa-apa maklumat yang dijangka mempunyai kesan material ke atas keputusan pelaburan, yang boleh menjejaskan harga, nilai atau aktiviti pasaran sekuriti PLC tersebut.

Maklumat penting mungkin merangkumi maklumat yang:

- melibatkan aset dan liabiliti, perniagaan, keadaan kewangan atau prospek PLC berkenaan
- melibatkan urusan dengan kakitangan, pembekal, pelanggan dan lain-lain
- berkaitan dengan apa-apa kejadian yang menjejaskan pencairan hak atau kepentingan sekuriti PLC yang sedia ada atau yang akan datang
- berkaitan dengan apa-apa peristiwa yang menjejaskan secara ketara jumlah sekuriti yang dipegang oleh orang awam.

PLC diingatkan supaya melaksanakan penzahiran maklumat penting yang tepat pada masanya supaya pemegang saham boleh menggunakan maklumat itu untuk membuat keputusan pelaburan. Pemegang saham minoriti pula diingatkan supaya peka dengan PLC yang sering lewat mengumumkan maklumat sensitif harga walaupun tiada alasan yang wajar di sebalik kelewatan tersebut.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 30 Januari hingga 3 Februari 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
------------------------	-----------------	-------------------------

30.01.23 (Isnin) 02.00 petang	Genetec Technology Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi penepian hak preemptif berkanun ke atas saham biasa baharu dalam Syarikat di bawah Seksyen 85 Akta Syarikat 2016, yang selaras dengan Fasal 63 dalam Perlembagaan.
31.01.23 (Selasa) 10.30 pagi	Chin Teck Plantations Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Chin Teck meningkat sebanyak 42.46% kepada RM260.3 juta pada tahun kewangan 2022 (2021: RM182.7 juta) berikutan harga jualan purata (<i>average selling price</i>, ASP) tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch</i>, FFB), minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i>, CPO) dan isirung sawit yang lebih tinggi.</p> <p>Untung bersihnya melonjak 58% kepada RM107.5 juta, berbanding RM68.1 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Chin Teck menjangkakan prestasi kewangannya akan kembali normal pada tahun kewangan 2023, selaras dengan penurunan harga minyak sawit.</p>
03.02.23 (Jumaat) 10.30 pagi	SMTRACK Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan mempelbagaian ke dalam perniagaan berkaitan hartanah, perniagaan minyak dan gas serta perniagaan makanan dan minuman. Dalam resolusi berasingan, Syarikat juga berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi mandat pemegang saham baharu yang dicadangkan untuk urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan.

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

<b>Syarikat</b>	<b>Perkara / Isu penting untuk diketengahkan</b>
Chin Teck Plantations Berhad (AGM)	Bekalan sumber manusia yang terhad, khususnya buruh migran merupakan cabaran berterusan yang dihadapi oleh Kumpulan, yang diburukkan lagi pada tahun ini oleh pandemik dan pembatasan perjalanan antarabangsa bagi sebahagian besar tahun kewangan 2022. Kelonggaran terhadap kawalan sempadan hanya akan mengembalikan

	<p>bilangan buruh migran dalam syarikat ke tahap prapandemik pada tahun kewangan 2023. (halaman 15, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Sehingga kini, sejauh manakah isu kekurangan buruh Kumpulan telah berjaya dipulihkan dan setakat manakah usaha Kumpulan untuk menangani keperluan buruhnya?</p>
--	--

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

---

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

---

### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*